

CNS3711
R GB 14-09 00152 BA003
bah

MAHATHIR: KERAJAAN SEDIA HANTAR RAKYAT LAWAT NEGARA LAIN
Mahathir-nikmat

JITRA, 14 Sept (Bernama) -- Kerajaan sedia menghantar rakyat negara ini untuk melawat ke negara-negara lain yang mencapai kemerdekaan pada masa yang hampir sama dengan Malaysia tetapi masih kurang membangun untuk ciibuat perbandingan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, sekiranya rakyat berpeluang melawat negara-negara berkenaan barulah mereka sedar betapa bersyukur mereka menjadi rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, kerajaan tidak dapat menghantar semua rakyat untuk melawat negara-negara itu, katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di Dewan Merdeka di sini hari ini.

+Apabila kita buat perbandingan, kita bersyukur terhadap nikmat yang kita terima,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu.

Beliau menyamakan keadaan itu dengan sebilangan besar rakyat yang hanya sedar mengenai betapa nikmatnya kesihatan ketika mereka sedang terlantar sakit. -- Lagi

♥14/09/13-24MST

CNS3713
R GB 14-09 00130 BA004
bah

Mahathir-Nikmat 2 Jitra

Perdana Menteri berkata, kemajuan yang dicapai oleh Malaysia tidak datang menggolek tetapi cliusahakan dengan bersungguh-sungguh.

Beliau berkata, mungkin sesetengah rakyat tidhk sedar bahawa negara telah 'mencapai kemajuan dan tidak sedar akan perubahan yang., berlaku di sekeliling mereka.

Sebaliknya, rakyat asing yang pernah tinggal di Malaysia merasai perubahan itu apabila mereka kembali melawat negara ini.

+Mereka tidak lagi kenal Malaysia seperti yang pernah m'ereka kenali dulu,+ kata beliau.

Beliau juga berkata, terdapat sesetengah daripada golongan profesional seperti jurutera, yang pernah dibantu oleh kerajaan melalui skim-skim tectentu ketika pengangguran berlaku akibat kemelesetan ekonomi beberapa tahun lepas, kini mulai +sombong dan lupa asal-usul+ dengan bertindak menentang kerajaan setelah pengangguran tiada lagi setelah ekonomi kembali pulif. -- Lagi

♥14/09/13-28MST

CNS3714
R GB 14-09 00122 BA005
bah

Mahathir-Nikmat 3 Jitra (akhir)

Beliau juga mengingatkan rakyat bahawa UMNO telah memberi sumbangan besar terhadap kemajuan dikecapi oleh negara sekarang.

Menurutnya, bukan semua parti politik mampu membawa kemajuan kepada sesebuah negara dan tidak banyak parti politik yang berjaya di dunia ini.

Katanya, Malaysia berjaya kerana rakyatnya yang berbilang kaum sanggup bekerjasama dan melalui kerjasama itu tidak bermakna UMNO telah membelakangkan keperitingan orang Melayu.

+UMNO bukan sebuah parti yang didorong oleh perasaan dan hawa nafsu semata-mata tetapi sebaliknya ia mempunyai perhitungan mengikut akal fikiran,+ kata beliau.

Yang turut hadir pada mesyuarat itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff, yang juga timbalan ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu. -- Bernama